



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**JAWATAN-JAWATAN DALAM TANGGA GAJI B.3
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di negara ini.



**PENOLONG PENGARAH
PENOLONG PENGARAH (PENERANGAN)
PENOLONG PENGARAH ASEAN
PENOLONG PENGARAH EKONOMI
PENOLONG PENGARAH KERJASAMA EKONOMI
PENOLONG PENGARAH PENTADBIRAN
PENOLONG PENGARAH PERANCANGAN DASAR
PENOLONG PENGARAH PERDAGANGAN ANTARABANGSA
PENOLONG PENGARAH POLITIK I (ANTARABANGSA / SERANTAU /
PERANCANGAN DASAR)
PENOLONG PENGARAH POLITIK II
PENOLONG PENGARAH PROTOKOL DAN HAL EHWAL KONSULAR
SETIAUSAHA PERTAMA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TUJUH (07)**

BAGI JAWATAN YANG TIDAK DINYATAKAN DI ATAS DAN MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBANDING BOLEH DIPERTIMBANGKAN MASUK KE PROSES PENGISIAN INI

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.



3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah / Ketua Perwakilan dan Timbalan Pengarah / Timbalan Ketua Perwakilan dalam menjalankan fungsi-fungsi Jabatan / Pejabat Perwakilan;
2. Melaksanakan dan meneliti hal ehwal pentadbiran di Kementerian dan di Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri dalam hal-hal kewangan, perjawatan, kebajikan pegawai dan kakitangan, pengurusan harta benda dan cadangan bagi mempertingkatkan hubungan dua hala, serantau, antarabangsa dan sebagainya;
3. Menyelaraskan dan menyediakan laporan tahunan Jabatan / Pejabat Perwakilan, perkembangan laporan politik, hal ehwal semasa dan sosial, perkembangan *ASEAN*, perkembangan pertubuhan antarabangsa sama ada bertugas di dalam ataupun di luar negeri;
4. Mengadakan konsultasi bersama rakan sejawat dari negara-negara lain bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan dari negara-negara rakan bagi menjamin kepentingan negara tidak terjejas;
5. Memastikan dan menyelaraskan persediaan awal mengenai hal ehwal protokol, terutamanya dalam bidang majlis dan lawatan pembesar-pembesar negara ke dalam dan ke luar negeri dan seterusnya di bidang konsular seperti kebajikan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negeri, pasport, pengurusan visa dan sebagainya;
6. Meneliti dan menghadapkan cadangan / sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan penubuhan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang telah memohon; dan
7. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan Kementerian / Pejabat Perwakilan.